



AG ASRI (lima kanan), Khairunnisa (tujuh kiri) dan Zamhar (empat kanan) bersama pelajar dan guru yang menyertai Bengkel Kejurulatihan Level Up @Schools.

30 pelajar sertai Bengkel Kejurulatihan Level Up @Schools

VB 2014-2019 AH

LABUAN: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menganjurkan Bengkel Kejurulatihan Level Up @Schools pada 18 hingga 19 April.

Bengkel dua hari itu disampaikan oleh Pensyarah Kanan FKI Dr Zamhar Iswandono Ag Ismail manakala Senior Executive Capacity and Competency Interactive Media daripada MDEC Khairunnisa Saharuddin bertindak sebagai

penyelaras program. Khairunnisa berkata bengkel itu merupakan program pembangunan aplikasi permainan video melalui pelbagai platform melibatkan 160 sekolah menengah terpilih di seluruh negara. Katanya, di Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak 10 sekolah menengah iaitu SM Sains Labuan, SMK Labuan, SMK Pantai, SMK Lajau dan SMK Taman Perumahan Bedaun. Selain itu, SM St Anne, SM St Anthony, SMK Mutiara, SMK Ranca-Ranca dan SM Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). “Setiap sekolah menghantar seorang guru pengiring dan

tiga pelajar berumur antara 14 dan 16 tahun yang celik IT dan berminat dalam mempelajari pembangunan permainan ‘digital game development’,” katanya. Program itu diadakan setahun sekali dan pada sesi 2018/2019 kali kedua MDEC bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Labuan dan FKI Labuan. Dekan FKI Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim berharap pada akhir bengkel itu, pelajar berupaya membina permainan video dan digalakkan menyertai pertandingan ‘Levelup @Schools Game Award’ yang akan diadakan sempena Mydigitalmaker Fair di Kuala Lumpur pada 14-15 September tahun ini.